

SOALAN NO.: 11

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB. DATO' AHMAD FAUZI BIN ZAHARI
KAWASAN : SETIAWANGSA
TARIKH : 25 JULAI 2017, SELASA

SOALAN:

YB. DATO' AHMAD FAUZI BIN ZAHARI minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah status cadangan Kerajaan dalam menstrukturkan semula kadar tol untuk lebuh raya serta menambah baik klausa-klausa dalam perjanjian konsesi termasuk memperuntukkan klausa Mekanisme Semakan Semula Tol iaitu menyebabkan kenaikan kadar tol tidak lagi dibenarkan secara automatik.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam usaha untuk mengurangkan isu berhubung kadar bayaran tol, Kerajaan telah mengadakan beberapa siri perbincangan dengan syarikat-syarikat konsesi berhubung penstrukturran semula kadar tol. Langkah ini dilaksanakan secara berterusan memandangkan Kementerian percaya bahawa penangguhan kenaikan kadar tol yang dilaksanakan pada masa ini hanya berupaya menyelesaikan isu ini dalam jangka masa pendek.

Perbincangan dan rundingan telah dilaksanakan dengan syarikat-syarikat yang memenuhi parameter yang ditetapkan oleh Kerajaan. Ini bagi memastikan objektif utama rundingan iaitu untuk menghasilkan situasi ‘menang-menang’ kepada semua pihak, iaitu Kerajaan, rakyat, syarikat konsesi, pelabur dan pemberi pinjaman dapat dicapai. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, rundingan mempertimbangkan beberapa asas utama seperti cadangan kadar tol, implikasi penstrukturran terhadap kos operasi, kos penyelenggaraan, jumlah trafik, keuntungan atau kerugian syarikat-syarikat konsesi terbabit. Pada masa ini, penilaian dan kajian terhadap cadangan yang diterima masih lagi dijalankan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, klausa berhubung Mekanisme Semakan Semula Tol merupakan klausa standard bagi perjanjian konsesi generasi baru. Sehingga kini, klausa ini telah dimasukkan di dalam hampir ke semua perjanjian konsesi baru. Bagi perjanjian konsesi yang telah lama ditandatangani, rundingan untuk memasukkan klausa ini diadakan secara berterusan bersama syarikat

konsesi yang terlibat. Ini adalah kerana pindaan terhadap terma-terma perjanjian konsesi sedia ada memerlukan persetujuan kedua-dua pihak, iaitu Kerajaan dan pihak konsesi.

Sekian, terima kasih.